



**AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
**ZON MARITIM BINTULU**  
Sub Lot 1-5, Lot 1174, Blok 32 (Batu 5)  
Wisma Peng Seng, Daerah Tanah Kemena,  
Jalan Bintulu-Miri  
**97000 BINTULU, SARAWAK**  
**MALAYSIA**



Telefon : **086-314237 / 314254**  
Fax : **086-312268**  
Bilik Operasi (24 Jam) : **082-432544**

---

Ruj Kami : APMM.W4.100-2/1/7 Jld 11(12)

Tarikh : 17 April 2022

## **SIARAN MEDIA**

### **MENYAMAR BOT TEMPATAN, 3 BOT NELAYAN ASING DITAHAN**

**BINTULU, 17 April** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Bintulu telah berjaya menahan tiga buah bot nelayan asing dipercayai daripada Vietnam sedang berapung pada jarak lebih kurang 193 batu nautika dari utara Pelabuhan Bintulu, sekitar jam 1.30 pagi, pada 14 April 2022 awal pagi Khamis lepas.

Timbalan Pengarah Zon (Operasi) Zon Maritim Bintulu, Komander Maritim Effendy bin Mohamed Fadil berkata, kesemua bot nelayan asing itu telah dikesan sekitar pada jam 10.00 malam dalam keadaan berapung dan tidak bertindak agresif ketika dihampiri oleh penguat kuasa.

Hasil pemeriksaan dan pengeledahan mendapati seramai 32 orang kru termasuk tiga orang tekong bagi ketiga-tiga bot tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Selain itu, kesemua bot yang ditahan tidak mempunyai lesen bot untuk beroperasi dan dalam masa yang sama disyaki menggunakan nombor pendaftaran yang palsu.

Kesemua kru yang ditahan termasuk tekong, berumur dalam lingkungan 24 hingga 55 tahun, lelaki dan merupakan warga Vietnam.

Kesemua kru dan hasil rampasan iaitu 1.3 tan ikan campur serta 2000 liter minyak diesel dianggarkan bernilai RM1.5 juta termasuk tiga buah bot nelayan asing itu ditahan dan diiringi ke Pusat Tahanan Vesel Zon Maritim Bintulu untuk siasatan lanjut.

Kes akan disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 yang memperuntukan hukuman denda tidak melebihi RM6 juta bagi empunya atau nakhoda dan RM600 ribu bagi tiap-tiap anggota kru jika disabitkan bersalah.

Maritim Malaysia sentiasa mengingatkan kesemua komuniti maritim supaya mematuhi segala peraturan undang-undang sebelum melakukan sebarang aktiviti di laut dan amat mengalu-alukan maklumat serta aduan daripada seluruh komuniti maritim untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan ataupun kemalangan di laut secara terus ke talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Bintulu (086-314 254)/ Pusat Operasi Maritim Negeri Sarawak (082-432544) yang beroperasi 24 jam.

**Komander Maritim Effendy Bin Mohamed Fadil**  
**Timbalan Pengarah Zon (Operasi) Zon Maritim Bintulu**  
**Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

**-TAMAT-**

---

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:

Pegawai Perhubungan Awam

Leftenan Madya Maritim Aziz bin Mohd Hamdi

Tel : 010-361 1446

Email : azizhamdi@mmea.gov.my